

Terma & Syarat Kempen MyDebit

1 Penganjur & Kelayakan

1.1 Promosi ini dianjurkan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. ("PayNet") (Syarikat No.836743-D) (Dahulunya dikenali sebagai Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd ("MyClear")) ("PayNet") dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi ("PPD")(yang dirujuk secara kolektif sebagai "Penganjur").

1.2

1.3 Promosi ini tidak layak disertai oleh individu-individu yang disenaraikan di bawah:

- a) Kakitangan Pihak Penganjur (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak, ibu-bapa, adik-beradik, termasuk suami / isteri) dan / atau
- b) Wakil, kakitangan, pekerja dan / atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan / atau promosi pihak Penganjur (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami / isteri)

2 Tempoh Promosi

2.1 Pertandingan Menulis Esei akan berlangsung mulai 27 Julai 2017 hingga 15 Ogos 2017 (Tempoh Pertandingan Esei).

2.2 Pertandingan Penggunaan Kad MyDebit tertinggi di peringkat daerah akan diadakan pada 3 September 2017 hingga 23 November 2017 (Fasa 1) dan pada 2 Januari 2017 sehingga 30 April 2018 (Fasa 2) (Tempoh Promosi).

2.3 Pihak Penganjur berhak untuk membuat pindaan ke atas Tempoh Promosi untuk kedua-dua Pertandingan Menulis Esei dan Pertandingan Penggunaan Kad MyDebit tertinggi di peringkat daerah pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notifikasi terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi adalah tidak sah dan akan dibatalkan.

3 Kriteria Kelayakan

3.1 Pertandingan Menulis Esei

- a. Penyertaan adalah PERCUMA dan terbuka kepada Pelajar Warganegara Malaysia yang bersekolah di mana-mana 8 buah Sekolah Menengah Di Langkawi yang mengambil bahagian. (Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pertandingan ini terbuka kepada Pelajar Sekolah Menengah dari Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Tiga untuk Kategori Menengah Rendah (Dirujuk sebagai Menengah Rendah) dan Dari

Tingkatan Empat sehingga Tingkatan Lima untuk Kategori Menengah Atas (Dirujuk sebagai Menengah Atas)(Secara kolektif kedua-duanya dirujuk sebagai “Pelajar”).

b. Segala kriteria tambahan adalah seperti yang dinyatakan di dalam **Lampiran A** yang menjadi sebahagian daripada Terma & Syarat ini.

3.2 Pertandingan penggunaan kad MyDebit tertinggi di Peringkat Daerah

a. Kesemua Sekolah Menengah di Langkawi yang mengambil bahagian yang menerima pembayaran dengan kad MyDebit akan layak untuk menyertai Promosi ini.

b. Pembayaran melalui transaksi MyDebit boleh dibuat oleh mana-mana individu termasuk dan tidak terhad kepada pelajar dan guru. Seterusnya, pembayaran tersebut perlulah dibuat di kantin atau koperasi di mana-mana Sekolah Menengah di Langkawi yang mengambil bahagian sahaja dan penyertaan mesti mematuhi semua garis panduan yang disenaraikan dalam Terma & Syarat ini.

c. Individu yang membuat pembayaran dengan kad MyDebit perlulah mempunyai kad MyDebit yang sah, aktif dan dalam kedudukan kewangan yang baik dan stabil semasa Tempoh Promosi.

3 4. Syarat Penyertaan

3.1 Pertandingan Menulis Esei

a. Setiap Pelajar hanya boleh menghantar satu Esei sahaja dan ianya mestilah dilaksanakan secara individu. Esei itu perlulah dihantar kepada Sekolah Menengah masing-masing yang mengambil bahagian dalam promosi ini.

b. Segala syarat penyertaan lain serta format pertandingan adalah seperti yang dinyatakan **di Lampiran A** yang menjadi sebahagian daripada Terma & Syarat ini.

3.2 Pertandingan Penggunaan Kad MyDebit tertinggi di Peringkat Daerah

a. Hanya pembayaran melalui transaksi MyDebit yang dibuat di mana-mana Sekolah Menengah di Langkawi yang mengambil bahagian dan dilakukan dalam Tempoh Promosi dan mematuhi kriteria kelayakan serta terma & syarat yang dinyatakan di sini akan di ambil kira

5. Pemilihan & Pengumuman Pemenang

5.1 Pertandingan Menulis Esei – Peringkat Sekolah

a. Semua Sekolah Menengah di Langkawi yang mengambil bahagian adalah berkuasa mutlak untuk memilih seorang Pemenang masing-masing untuk kategori Menengah Rendah dan Menengah Atas.

b. Pemilihan Pemenang akan dijalankan selepas tamat tempoh Pertandingan Menulis Esei.

c. Pemenang bagi kedua-dua kategori akan dimaklumkan oleh pihak Sekolah Menengah masing-masing mengikut cara yang dianggap sesuai oleh pihak Sekolah Menengah tersebut.

d. Semua keputusan yang dibuat oleh pihak Sekolah Menengah yang terlibat berhubung dengan Pertandingan Esei, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pemilihan pemenang

dan pelucutan hak kepada Hadiah adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan. Pemilihan pemenang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan dan kriteria penyertaan yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak Penganjur.

5.2 Pertandingan Menulis Esei – Peringkat Daerah

- a. Pemilihan seorang Pemenang masing-masing untuk kategori Menengah Rendah dan Menengah Atas adalah di bawah budi bicara mutlak pihak PPD.
- b. Pemilihan Pemenang akan dijalankan selepas tamat Tempoh Pertandingan Esei di Peringkat Sekolah.
- c. PPD akan memaklumkan kepada Pihak Sekolah Menengah yang berkenaan dan Pihak Sekolah Menengah tersebut adalah bertanggungjawab memaklumkan kepada Pelajar yang terpilih sebagai Pemenang.
- d. Semua keputusan yang dibuat oleh Pihak PPD berhubung dengan pemilihan pemenang dan pelucutan hak kepada Hadiah adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan. Pemilihan pemenang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan dan kriteria penyertaan yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak pihak PPD.

5.3 Pertandingan penggunaan kad MyDebit tertinggi di Peringkat Daerah

- a. Pemilihan Sekolah Terbaik dengan penggunaan kad MyDebit tertinggi masing-masing bagi kategori Bilangan transaksi dan kategori Peningkatan Peratusan (%) tertinggi adalah di bawah budi bicara mutlak Pihak Penganjur yang berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Pihak Bank yang terlibat dan/atau Syarikat Permbayaran Terminal yang terlibat.
- b. Pemilihan Pemenang akan dijalankan pada setiap bulan dalam tempoh Promosi. Bagi Pemilihan Pemenang untuk bulan April 2018, ianya akan dilakukan selepas tamat tempoh Promosi. (Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pemilihan Pemenang untuk bulan semasa akan dijalankan pada bulan yang berikutnya)
- c. Pihak PPD adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Pemenang untuk kedua-dua kategori pada setiap bulan sepanjang tempoh Promosi dan juga selepas tamat tempoh Promosi untuk Pemberitahuan Pemenang bagi bulan April 2018 mengikut cara yang dianggap sesuai oleh pihak PPD.
- d. Semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur berhubung dengan pemilihan pemenang dan pelucutan hak kepada Hadiah adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan. Pemilihan pemenang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan dan kriteria penyertaan yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak pihak Penganjur.

6. Hadiah

6.1 Hadiah untuk Promosi ini adalah:

- a) Pertandingan Menulis Esei (Menengah Rendah dan Atas) di setiap 8 Sekolah Menengah di Langkawi (Pertandingan Peringkat Sekolah)

- RM100 untuk seorang pemenang masing-masing bagi Menengah Rendah dan Atas
- b) Penilaian bagi 8 Esei terbaik (masing-masing bagi Menengah Rendah dan Atas) dari Peringkat Sekolah (Pertandingan Peringkat Daerah)
- RM400 untuk seorang pemenang di peringkat daerah dari 8 Esei terbaik yang dinilai pada peringkat sekolah masing-masing bagi Menengah Rendah dan Atas
- c) Pertandingan Sekolah Terbaik dengan penggunaan kad MyDebit tertinggi untuk kategori (i) Bilangan transaksi dan (ii) Peningkatan % tertinggi - RM1,000 bagi setiap sekolah yang memenangi antara kedua-dua kategori atau kedua-dua kategori sekali gus pada setiap bulan dalam tempoh Promosi. (Untuk mengelakkan sebarang keraguan, tiada hadiah diberikan untuk kategori Peningkatan % tertinggi bagi bulan pertama dalam tempoh Promosi. Selanjutnya, hanya pada bulan pertama untuk tempoh promosi, hadiah akan diberikan kepada dua Sekolah Menengah di Langkawi yang mengambil bahagian untuk kategori Bilangan Transaksi)
- 6.2 Segala jenis visual dan/atau gambaran bagi hadiah kedua-dua Pertandingan Menulis Esei dan Pertandingan Sekolah Terbaik dengan penggunaan kad MyDebit tertinggi yang digambarkan dalam mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Promosi ini hanyalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata dan tidak boleh menggambarkan warna dan/atau keadaan sebenar hadiah-hadiah tersebut.
- 6.3 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur tidak memberi apa-apa jua jaminan atau perwakilan, sama ada secara nyata atau tersirat, berhubung dengan Promosi ini termasuk dan tidak terhad kepada hadiah-hadiah yang ditawarkan. Penganjur juga tidak memberi apa-apa jaminan tentang kualiti dan kebolegunaan yang berkaitan dengan hadiah-hadiah yang ditawarkan.
- 6.4 Penganjur tidak akan menanggung sebarang liabiliti sekiranya pemenang tidak dapat menggunakan Hadiah untuk sebarang sebab, termasuk sebab-sebab yang timbul daripada pelanggaran terma yang ditetapkan. Pemenang yang telah menerima hadiah, dianggap telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam semua acara publisiti yang dianjurkan oleh pihak Penganjur.
- 6.5 Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notifikasi terlebih dahulu.

7 Pengumuman atau pemberitahuan kepada pemenang

7.1 Pertandingan Menulis Esei – Peringkat Sekolah

- a. Pemenang-pemenang akan dihubungi dan dimaklumkan oleh Penganjur selepas tamat Tempoh Pertandingan Esei melalui medium yang dianggap sesuai oleh pihak

Penganjur. Pemenang harus memaklumkan keputusan mereka samada untuk menerima hadiah atau tidak, dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan tersebut.

7.2 Pertandingan Menulis Esei – Peringkat Daerah

- a. Pemenang-pemenang akan dihubungi dan dimaklumkan oleh Penganjur selepas tamat Tempoh Pertandingan Esei melalui medium yang dianggap sesuai oleh pihak Penganjur. Pemenang harus memaklumkan keputusan mereka samada untuk menerima hadiah atau tidak, dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan tersebut.

7.3 Pertandingan penggunaan kad MyDebit tertinggi di Peringkat Daerah

- a. Pemenang-pemenang bagi kategori-kategori yang dipertandingkan bagi setiap bulan semasa akan dihubungi dan dimaklumkan oleh Penganjur pada setiap akhir bulan yang berikutnya melalui medium yang dianggap sesuai oleh pihak Penganjur. Pemenang harus memaklumkan keputusan mereka samada untuk menerima hadiah atau tidak, dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan tersebut.

8 Penebusan Hadiah

- 8.1 Hadiah-hadiah bagi Pertandingan Menulis Esei – Peringkat Sekolah dan Peringkat Daerah akan diberikan secara terus oleh pihak Penganjur kepada semua 8 Sekolah Menengah yang mengambil bahagian melalui medium yang dianggap sesuai oleh pihak Penganjur. Pihak Sekolah Menengah yang mengambil bahagian seterusnya bertanggungjawab untuk menyampaikan hadiah-hadiah tersebut kepada pemenang-pemenang bagi kategori Menengah Rendah dan Menengah Atas.
- 8.2 Hadiah-hadiah bagi Pertandingan penggunaan kad MyDebit tertinggi di Peringkat Daerah akan diberikan kepada Sekolah yang memenangi mana-mana kategori yang dipertandingkan secara terus oleh pihak Penganjur melalui medium yang dianggap sesuai oleh Penganjur.
- 8.3 Pemenang-pemenang bagi Pertandingan Menulis Esei – Peringkat Sekolah dan Peringkat Daerah perlu memaklumkan kepada Sekolah Menengah masing-masing yang terlibat dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pemberitahuan oleh Pihak Sekolah dan/atau Pihak Penganjur, bahawa Pemenang-pemenang akan menebus hadiah yang telah dimenangi. Sekiranya Pemenang menolak atau gagal memberikan jawapan dalam tempoh yang telah diberikan, Pihak Sekolah Menengah yang berkenaan perlulah memaklumkan kepada pihak Penganjur dan Pihak Penganjur berhak melucutkan hak pemenang tersebut dan menarik balik hadiah. Hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan dan sebarang pertanyaan selepas itu tidak akan dilayan. Bayaran balik tidak akan diberikan untuk sebarang hadiah yang tidak dituntut.
- 8.4 Pemenang-pemenang bagi Pertandingan penggunaan kad MyDebit tertinggi di Peringkat Daerah perlu memaklumkan kepada Pihak Penganjur dalam tempoh masa tiga puluh (30)

hari dari tarikh pemberitahuan oleh Pihak Penganjur, bahawa Pemenang-pemenang akan menebus hadiah yang telah dimenangi. Sekiranya Pemenang menolak atau gagal memberikan jawapan dalam tempoh yang telah diberikan, Pihak Penganjur berhak melucutkan hak pemenang tersebut dan menarik balik hadiah. Hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan dan sebarang pertanyaan selepas itu tidak akan dilayan. Bayaran balik tidak akan diberikan untuk sebarang hadiah yang tidak dituntut.

- 8.5 Selain yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini, sebarang penggantian atau pengubahsuaian kepada Hadiah tidak dibenarkan.
- 8.6 Pemenang boleh melantik wakil untuk menuntut hadiah, di dalam situasi-situasi tertentu dan ini tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur untuk membenarkan wakil tersebut menuntut hadiah berkenaan. Kebenaran bertulis dari Pemenang asal dan pengesahan pengenalan diri wakil tersebut diperlukan untuk membolehkan wakil tersebut menuntut hadiah bagi pihak Pemenang asal.
- 8.7 Pemenang bertanggungjawab di atas segala kos berkenaan untuk pemenang mengambil dan menuntut Hadiah di tempat yang telah ditetapkan oleh Pihak Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk kos pengangkutan yang berkaitan dengan pengambilan dan/atau tuntutan Hadiah. Semua cukai, caj dan kos sampingan yang terlibat hendaklah ditanggung sendiri oleh pemenang.
- 8.8 Sekiranya pemenang memilih untuk tidak menerima Hadiah, segala urusan berkaitan hal tersebut adalah tertakluk kepada budibicara Penganjur dan peruntukan undang-undang yang berkaitan.

9 Tanggungjawab dan Liabiliti

- 9.1 Pemenang akan menanggung liabiliti dan bertanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan, kerugian atau tuntutan akibat daripada penyertaan di dalam Promosi ini, penebusan dan / atau penggunaan Hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang dialami, dalam sebarang situasi yang melibatkan pihak ketiga atau Peserta, semasa dan selepas Promosi ini.

10 Perlindungan Data

- 10.1 Dengan menyertai Promosi ini dan pendedahan maklumat peribadi kepada Penganjur, Penganjur bersetuju untuk hanya menggunakannya untuk tujuan Promosi ini dan melindungi maklumat tersebut seperti yang dinyatakan di bawah. Bahagian ini juga menggariskan hak Peserta mengenai perlindungan data, dan penerangan kepada peserta bagi tujuan untuk menghubungi Penganjur.
- 10.2 Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:

- a) hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan data peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi penganjur di alamat e-mel yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan data peribadi tersebut;
 - b) hak untuk mendapatkan salinan data peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
 - c) hak untuk membetulkan data peribadi yang tidak tepat.
- 10.3 Peserta boleh menghubungi terus Pengajur bagi sebarang isu perlindungan data bersama Penganjur dan/atau aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi peserta di MyDebit@paynet.my

11 Hak Penganjur

- 11.1 Penganjur berhak untuk meminda, mengubah atau memadam Terma dan Syarat yang terkandung di sini mengikut budi bicara mutlak mereka.
- 11.2 Penganjur tidak akan bertanggungjawab kepada kerugian kewangan mana-mana yang dialami oleh Peserta yang timbul daripada keengganan, pembatalan atau penarikan balik Promosi.
- 11.3 Penganjur boleh menyerahkan semua hak yang diberikan oleh Peserta kepada mana-mana pihak di atas budi bicara Penganjur.
- 11.4 Penganjur berhak untuk melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi bagi sebarang sebab sekalipun, tanpa notis terlebih dahulu. Peserta tidak boleh membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur bagisebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung dan tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- 11.5 Para pemenang juga mungkin dikehendaki untuk hadir dan / atau menyertai program publisiti. Wakil-wakil pemenang adalah tidak dibenarkan untuk mewakili pemenang untuk sebarang program publisiti.

12 Umum

- 12.1 Untuk maklumat lanjut, sila layari www.paynet.my pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi.
- 12.2 Terma dan Syarat ini dipantau dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan dalam bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
- 12.3 Masa adalah intipati Promosi ini.
- 12.4 Pertandingan Terma & Syarat ini disediakan dalam Bahasa Melayu.

[TAMAT]

LAMPIRAN A

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN MENULIS ESEI “MYDEBIT” SEKOLAH MENENGAH DI LANGKAWI 2017

1. PENGENALAN

- Pertandingan menulis karangan bertemakan 'MyDebit' yang disertai oleh semua sekolah menengah di Langkawi. Pertandingan ini menyediakan platform untuk warga sekolah terutamanya para pelajar bagi memberikan pendapat mengenai program penggunaan kad MyDebit di sekolah menengah mengikut kreativiti masing-masing. Pelaksanaan pertandingan ini diharap akan memberi kesan positif dan kesedaran bahawa kad ATM atau MyDebit boleh digunakan sebagai instrumen pembayaran selain daripada penggunaan tunai atau kad kredit.
- Pertandingan ini dianjurkan di dua peringkat iaitu peringkat sekolah dan juga peringkat daerah:
 - **Peringkat Sekolah** - Seorang pemenang masing-masing bagi peringkat Menengah Rendah dan Atas akan memenangi hadiah wang tunai RM100.
 - **Peringkat Daerah** - Hasil karya dua pemenang di setiap sekolah akan dinilai di peringkat daerah dan masing-masing akan memenangi hadiah wang tunai RM400.

2. SYARAT PENULISAN

a) Syarat Am

- Penulisan ini terbuka kepada semua murid sekolah menengah di Langkawi.
- Tema: MyDebit
- Karangan yang dihasilkan hendaklah:
 - Menterjemahkan mesej mengenai kebaikan penggunaan kad MyDebit kepada para pelajar dan juga sekolah;
 - Menggambarkan pengalaman yang bakal dialami oleh pengusaha kantin dan koperasi sekolah yang menerimapakai kad MyDebit; dan
 - Tidak mengandungi sebarang unsur-unsur negatif atau sensitif seperti keagamaan.
- Karya hendaklah ditulis dalam **Bahasa Melayu**.
- Karya yang dihasilkan mestilah karya ASLI penulis. Sebarang karya plagiat, terjemahan atau karya yang pernah disiarkan di mana-mana penerbitan cetak atau digital terbatal secara AUTOMATIK.
- Karya tidak boleh menyentuh sensitivity, subversif dan negatif mana-mana pihak.
- Setiap sekolah perlu menghantar satu karangan pemenang masing-masing di peringkat Menengah Rendah dan Atas kepada urus setia pertandingan PPD Langkawi.
- Setiap karangan yang dihantar hendaklah mendapat pengesahan daripada Pengetua sekolah.

b) Syarat Khas Pertandingan

- Setiap karangan mestilah menerapkan berdasarkan tema yang ditetapkan.
- Panjang karangan adalah tidak melebihi 1,000 patah perkataan.

- Karya perlu dihantar menggunakan format digital, bertaip bersih di dalam saiz muka surat A4 dengan jarak jangkau dua baris dan menggunakan saiz 12 jenis Arial.
- Sila catatkan bilangan patah perkataan pada akhir karya.

3. PENGHANTARAN KARYA

- Pihak sekolah perlu menghantar satu esei terbaik masing-masing bagi peringkat Menengah Rendah dan Atas ke PPD Langkawi untuk penilaian pada atau sebelum **10 Ogos 2017**.

Urus setia Pertandingan Menulis Esei MyDebit
Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi
Jalan Persiaran Putra, Kuah
07000 Langkawi, Kedah.
(UP : AHMAD YANI BIN GHAZALI)

Catatan

- Nama dan alamat penulis perlu tertera pada karya yang dihantar.
- Karya yang dihantar menjadi hak milik penganjur. Pihak penganjur berhak menyunting, mencetak dan menerbitkan bahan tersebut.
- Tarikh tutup pertandingan mengarang ini di peringkat sekolah adalah pada **9 Ogos 2017**.
- Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Encik Ahmad Yani di no 012-423 7004 atau emel yani.ghazali@moe.gov.my